

**Justo dakwa ditawarkan AS\$2 juta untuk maklumat 1MDB, kata laporan
The Malaysian Insider
July 24, 2015**

Bekas Pengarah PetroSaudi International Xavier Andre Justo berkata, beliau dijanjikan AS\$2 juta bagi pertukaran maklumat yang diambilnya daripada bekas majikan seorang ahli perniagaan Malaysia tetapi tidak pernah dibayar, lapor akhbar Singapura, The Straits Times (ST).

Beliau juga mendakwa Pengarang The Sarawak Report Clare Rewcastle-Brown bersetuju menerima bayaran dan mengemukakan kepadanya secara ansuran.

Bagaimanapun, Brown menafikan dakwaan itu dan memberitahu ST dakwaan Justo "tidak benar" dan menyifatkannya sebagai "omong kosong".

Justo, dalam satu temu bual di dalam penjara di Bangkok, memberitahu akhbar Singapura itu perjanjian penjualan maklumat dibuat di Singapura pada Februari selepas bertemu sekumpulan individu termasuk Brown.

"Saya memberikan dokumen-dokumen asal tanpa sebarang perubahan.

"Saya boleh mengatakan saya memberikan dokumen kepada dua kumpulan individu.

"Satu kepada Cik Rewcastle-Brown dan 'lelaki IT beliau' dan satu lagi ialah ahli perniagaan Malaysia dan rakannya," Justo dipetik sebagai berkata.

ST berkata, mereka tidak boleh mendedahkan nama ahli perniagaan terbabit kerana masih belum disahkan.

Akhbar itu berkata, Justo menunjukkan kepada mereka satu salinan pengakuan dengan 22 muka surat yang dibuat kepada polis Thai, di mana beliau menamakan individu ditemui di Singapura bagi membincangkan penjualan data.

Justo berkata, pembeli berkenaan menawarkan wang tunai, dan menurut perancangan ia bertujuan bagi beliau ke Singapura setiap minggu atau lebih untuk menerima sampul surat berisi pembayaran secara ansuran selama beberapa bulan sehingga jumlah akhir dibayar.

Beliau bagaimanapun, menolak.

Katanya, beliau sebelum ini cuba membuka akaun bank sebanyak 3 kali dengan bank berbeza di Singapura, Abu Dhabi dan Hong Kong, tetapi ditolak sambil menambah tidak tahu mengapa.

Menurut laporan itu, Justo mendakwa Brown bersetuju menerima AS\$2 juta daripada pembeli dan mengirimkannya AS\$250,000 sebulan untuk perkhidmatan perundingan, tetapi menambah tidak tahu sama ada Brown menerima wang itu

memandangkan beliau kemudiannya ditangkap.

Justo juga mendakwa kumpulan yang ditemui di Singapura bercakap tentang menggunakan maklumat berkenaan terhadap kerajaan Malaysia.

ST melaporkan "mereka juga merujuk kepada rancangan 'mengubah suai' dokumen".

ST memperoleh reaksi Brown, di mana beliau berkata Justo "tidak benar".

"Mengapa saya mahu mengubah apa-apa? Jika benar, mengapa tidak 1MDB dan PetroSaudi bawa keluar bukti sebarang perubahan dalam lebih lima bulan yang lalu?" ST memetik beliau sebagai berkata.

"Apa yang saya bantah berkenaan 1MDB dan dijelaskan oleh The Edge serta disokong beberapa sumber rasmi yang lain adalah penjelasan koheren peristiwa, tidak seperti laporan mengenai 1MDB yang berubah-ubah, menukar cerita 1MDB," tambah beliau.

Awal minggu ini, The Edge yang melaporkan secara meluas berkenaan 1MDB berkata, ia menyerahkan dokumen, cetakan emel dan cakera padat berkaitan usaha sama 1MDB dengan PetroSaudi kepada Bank Negara.

Ketua pegawai eksekutif The Edge dan penerbit Ho Kay Tat juga berkata, beliau sudah memberikan kenyataan kepada polis Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) dan mengemukakan set bukti yang sama kepada polis.

Dalam satu kenyataan kepada media, Ho berkata: "Kami tidak terlibat dalam mana-mana kecurian, kami tidak membayar sesiapa, dan kami tidak mengganggu mana-mana emel dan dokumen yang kami beri.

"Malah, kami mendapatkan data supaya tiada siapa boleh mengubahnya. Ini boleh disahkan oleh pihak berkuasa."

ST melaporkan apabila ia bertemu Justo di Penjara Reman di Bangkok, beliau berkata beliau dilayan dengan baik dan pengakuan itu tidak dibuat dalam keadaan terpaksa.

Justo ditahan di Pulau Koh Samui pada 22 Jun atas tuduhan memeras ugut PetroSaudi dengan maklumat dikaitkan dengan 1MDB.

ST melaporkan Justo menghadapi hukuman sehingga 7 tahun penjara dan denda jika didapati bersalah memeras ugut. Beliau dilaporkan mengharapkan hukuman lebih ringan memandangkan pengakuannya. – 24 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/justo-dakwa-ditawarkan-as2-j>

[uta-untuk-maklumat-1mdb-kata-laporan](#)